



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**SURAT KEPADA EDITOR
NEW STRAITS TIMES MALAYSIA**

**MAKLUMBALAS TERHADAP SURAT ADUAN
YANG DISIARKAN DI AKHBAR NEW STRAITS TIMES MALAYSIA
(11 September 2014, muka surat 20)**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ingin merujuk kepada aduan yang dibuat melalui yang disiarkan oleh NST pada 11 Sept 2014 mengenai (1) pendaftaran masuk ke Kolej Kediaman KTSN dan (2) isu pengangkutan pelajar dari KTSN ke Fakulti UKM memandang serius aduan ini dan pihak Pusat Komunikasi Korporat, UKM telah mengadakan perbincangan segera, dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UKM dan melibatkan Pengetua Kolej KTSN, Prof. Dr. Ruzita Abd. Talib, Bahagian Pengurusan Kenderaan Kampus Kuala Lumpur serta memanggil kakitangan yang namanya disebut dalam aduan tersebut.

Untuk makluman UKM mempunyai tiga (3) kampus yang beroperasi di Kampus Bangi (Kampus Induk), Kampus Cheras, dan Kampus Kuala Lumpur (kampus di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur). Kolej Tun Syed Nasir (KTSN) adalah salah sebuah kolej kediaman (daripada 12 Kolej kediaman) di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia yang terletak di Kampus Kuala Lumpur. Kolej ini menempatkan mahasiswa dari Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Farmasi dan Fakulti Pergigian. Kolej ini mempunyai dua lokasi iaitu di Jalan Temerloh dan di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Berikut adalah penjelasan UKM terhadap perkara yang dibangkitkan oleh pengadu:

I. Isu Pendaftaran Masuk ke KTSN

1. Tiada sistem pengurusan baharu diperkenalkan. Sistem pengagihan penempatan asrama dan pendaftaran penginapan mahasiswa KTSN masih lagi sama seperti sesi kemasukan sebelumnya. Selama ini, sepertimana yang disebut oleh pengadu sebagai 'berabad lama (*"decades ago"*)' pihak KTSN tidak pernah mendapat sebarang rungutan daripada pelajar. Walau bagaimanapun senarai nama pelajar untuk penempatan semula ini dikemaskini tiga (3) hari sebelum hari pendaftaran mahasiswa senior pada 7 Sept 2014. Ini kerana terdapat kekosongan bilik yang tidak dipenuhi oleh pelajar baru. Justeru, proses penempatan semula ini telah menyebabkan perubahan dalam senarai penginapan pelajar yang asal, namun tidak berlaku nama pelajar tiada dalam senarai penempatan (yang mana dalam surat aduan, pengadu menyatakan ada pelajar yang nama mereka tiada dalam senarai penginapan). Senarai baharu ini tidak dimuatnaik di *website* atau di laman *facebook* kerana pihak pejabat

KTSN bercadang memaklumkan pada hari mahasiswa datang mendaftar pada Ahad, 7hb Sept. 2014. Semua pelajar senior diberikan pemakluman mengenai tarikh pendaftaran masuk ke kolej kediaman, iaitu mulai 7 September 2014, iaitu sebaik sahaja Minggu Mesra Mahasiswa berakhir pada 6 September 2014 melalui *website* atau di laman *facebook* KTSN.

2. Mengenai isu kakitangan kami, Encik Amran yang disebut di dalam aduan adalah seorang Penyelia Asrama di KTSN. Beliau memaklumkan bahawa beliau ada menerima satu panggilan telefon dan tidak memberi respon seperti yang ditulis dalam aduan. Pada 7 September 2014, semua kakitangan KTSN bertugas untuk urusan pendaftaran masuk pelajar ke kolej dan tiada kakitangan yang bercuti seperti ditulis oleh pengadu.

II. Isu Pengangkutan

Sejak sekian lama, sistem pengurusan pengangkutan di Kampus Kuala Lumpur tidak pernah menghadapi masalah. Perkhidmatan pengangkutan disediakan mulai jam 7 pagi hingga 7 malam mengikut masa perjalanan yang telah dijadualkan (16 trip sehari bagi setiap bas). Walau bagaimanapun tidak dinafikan, akan ada juga berlaku kelewatan kerana jadual perjalanan bas ini adalah tertakluk kepada keadaan semasa lalulintas. Bas- bas ini menggunakan laluan awam iaitu Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Jalan Tun Razak, Jalan Temerloh, Jalan Kuantan, Persiaran Titiwangsa, Jalan Pahang/ Bulatan Pahang (jarak perjalanan adalah sejauh 11 kilometer). Sistem pemantauan dibuat secara berkala melalui maklumbalas yang diberikan oleh mahasiswa/ mahasiswi samada melalui email dan Facebook (Voices of UKMKL).

Pihak UKM sentiasa menambahbaik semua aspek prasarana pelajar bagi memberikan kemudahan yang sebaiknya kepada pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di UKM. Pihak UKM berharap agar penjelasan ini dapat menyelesaikan kekeliruan yang dihadapi oleh J.W. Kuala Lumpur sehingga menggamit beliau untuk menulis surat aduan berkaitan. UKM sebagai Pendaulat Amanah Negara (*Gurdian of the Nation*) akan sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada semua pelajar kami.

Terima kasih & Salam Hormat,

Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Kebangsaan Malaysia
Tel: 03-89215053 Faks: 03-89214097
e-mel: zaini_rzh@ukm.edu.my